



PERATURAN PERTANDINGAN BOLA TAMPAR

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.
- 1.2 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-undang Persatuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) hendaklah diikuti.

2.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Perkara 5.0. di dalam Undang-undang dan Peraturan Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA adalah dirujuk.
- 2.2 **Bilangan**
Setiap pasukan hanya dibenarkan untuk mendaftar maksimum 12 orang pemain dalam Borang Pendaftaran Perlawanan. Setiap pasukan dibenarkan mempunyai "LIBERO" (1 orang) semasa pertandingan dijalankan.
- 2.3 **Kelayakan**
Hanya pemain-pemain yang tersenarai di dalam Sistem Pengurusan Kejohanan Sukan (SCMS) dibenarkan dan layak untuk mengambil bahagian, manakala pemain-pemain yang tidak tersenarai di dalam sistem tersebut tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.4 **Borang Pendaftaran Perlawanan**
Borang Pendaftaran Perlawanan yang mengandungi senarai nama pemain dan pemain simpanan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan selewat-lewatnya 30 minit sebelum permainan bermula.

3.0 PASUKAN DAN MASA BERMAIN

- 3.1 **Pasukan**
Tiap-tiap pasukan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 6 pemain di dalam gelanggang sebelum satu-satu pertandingan dimulakan.
- 3.2 **Masa**
Setiap pasukan mesti melapor diri/bersedia tepat pada masa perlawanan yang ditetapkan. Sekiranya mana-mana pasukan lewat melapor diri, tempoh masa menunggu diberikan selama tidak lebih dari 10 minit. Sekiranya pasukan itu masih gagal melapor diri dalam masa 10 minit, pasukan tersebut dikira menerima kekalahan

4.0 PAKAIAN/ALAT

4.1 Pakaian

Pakaian yang seragam dengan permainan bola tampar mempunyai nombor di depan serta belakang baju dan mengikuti peraturan FIVB.

4.2 Alat.

Bola perlawanan akan disediakan oleh pihak penganjur.

5.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

5.1 Semua perlawanan peringkat kumpulan dan suku akhir berdasarkan 1 set 31 mata.

5.2 Bagi peringkat separuh akhir dan akhir berdasarkan 2 set yang terbaik daripada 3 set permainan, (25-25-15).

5.3 Mata kemenangan seperti berikut:-	Menang	-	2 mata
	Kalah	-	1 mata
	Tarik diri/Tidak hadir	-	0 mata

5.4 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata yang sama atau seri, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah seperti berikut :-

5.4.1 Nisbah Mata (M),

$$M = \frac{\text{Jumlah mata menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah mata kalah (semua perlawanan)}}$$

5.4.2 Jika masih seri, Nisbah set tertinggi (S),

$$S = \frac{\text{Jumlah set menang (semua perlawanan)}}{\text{Jumlah set kalah (semua perlawanan)}}$$

5.4.3 Jika masih seri,

$$S1 = \frac{\text{Jumlah set menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah Set kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

5.4.4 Jika masih seri,

$$M1 = \frac{\text{Jumlah mata menang (antara pasukan yang terlibat)}}{\text{Jumlah mata kalah (antara pasukan yang terlibat)}}$$

5.4.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan diantara kedua dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang pernah menang diperlawanan tersebut dikira pemenang.

5.4.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

- 5.5 Pengadil akan dilantik oleh Jawatankuasa Pertandingan, manakala Penjaga Garisan bagi pertandingan adalah terdiri daripada wakil kedua pasukan yang bertanding. Pihak Pengangsur akan menyediakan Penjaga Garisan untuk pertandingan pada peringkat separuh akhir dan akhir sahaja.

6.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk kepada Undang-undang dan Peraturan Peraturan Am Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.

7.0 KELEWATAN

Masa selama 10 minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma dengan 2 mata kemenangan dan bilangan 31 – 0 peringkat kumpulan dan suku akhir, 25 – 0 untuk separuh akhir dan akhir.

8.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan itu tidak dapat dimainkan atau sekiranya perlawanan diberhentikan akibat hal-hal yang di luar kawalan kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) Universiti Teknologi MARA.